

Headline	<b>'Cikgu' Rohani tak jemu perturun ilmu</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>07. Jun 2008</b>	Page No	<b>8,9</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>	Article Size	<b>1769 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>SUP</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>217920</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>2083000</b>		



**8 Sabtu**  
7 Jun 2008

**sembang**

**'Cikgu' Rohani tak jemu perturun ilmu**

*Dulu ke sekolah, kini menjelajah seluruh negara bantu petani, nelayan, penternak*

Oleh Che Wan Badru Alias  
bhnews@bharian.com.my

**K**ISAH di filem yang memaparkan usaha seorang guru mengajar sekumpulan pelajar bermasalah sehingga berjaya, memperlihatkan sedikit persamaan dalam penghidupan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Rohani Abdul Karim.

Peluang menjadi pendidik di sebuah sekolah menengah di Kuching, Sarawak, sentiasa berlebihan dalam ingatan beliau kerana pelbagai kisah lucu mencuri hati berlaku ketika dipertanggungjawabkan mengajar Bahasa Melayu dan Inggeris di kelas yang memuatkan pelajar tercicir.

Tanpa kemahiran mengajar, beliau terpaksa berdepan cabaran besar untuk memberi pengajaran dan pembelajaran kepada kumpulan pelajar itu sehingga berjaya walaupun sering mendengar pelbagai dakwaan mengenai sikap ganas pelajarannya.

Mungkin tidak semua guru berani untuk menyahut cabaran berdepan dengan pelbagai kereahan pelajar yang terkenal dengan kegedilan dan tidak mempunyai minat belajar, namun beliau gagahkan juga dengan hanya berberkalkan sifat inginkan anak bangsa berjaya.

"Ketika saya mula mengajar, kelasnya sunyi sepi. Apa tidaknya hanya tiga orang saja yang ada dalam sekelas, yang lain berterbangan," kata beliau sambil tersenyum ketika memulakan kisah hidupnya mengajar pelajar bermasalah.

Lebih mencuit hati, selang beberapa minggu kemudian, kumpulan pelajar itu kembali memenuhi ruang kelas selepas sekian lama 'tuang'. Beliau tidak memarahi mereka dan sikapnya itu agak memelikkan pelajarnya.

Pernah berlaku pelajaran cuba menyatakan rasa pelik

**MENJALANKAN** tanggungjawab yang telah diamanahkan rakyat.

**MELIHAT** timbunan beras ketika meninjau stor bekalan beras Jasmin.

**MUSTAPA** Mohamed mendengar penerangan dari timbalannya Rohani mengenai buah-buahan tempatan yang di pamerkan selepas merasmikan Pra Pelancaran MAHA 2008.

Headline  
Date  
Media Title

'Cikgu' Rohani tak jemu perturun ilmu  
07. Jun 2008  
Berita Harian



ROHANI bersalaman dengan sebahagian penghuni Rumah Panjang Kampung Belimbing Besi yang berpakaian tradisional semasa menghadiri sambutan Hari Gawai Dayak baru-baru ini.

terhadap sifat beliau kerana tidak pernah memperlihatkan rasa marah dengan kerena mereka. Kebisuan itu terjawab apabila pelajarinya berjaya dalam peperiksaan.

Walaupun lemah mendidik pelajar sekolah menengah itu pada siangnya, pada malamnya beliau menyambung tugas mendidik anak bangsa sebagai tutor kepada siswazah bidang perakaunan di Universiti Putra Malaysia, Sarawak, yang sebilangan besaranya menghadapi masalah sama laiu tidak serius dalam pembelajaran.

Bagi beliau, minat belajar tidak boleh dipatah tetapi boleh dipupuk dengan kesabaran. Berkat kesabaran beliau itulah yang berjaya melenturkan hati mereka sehingga timbul minat menuntut ilmu secara rela dan ada

antara mereka berjaya menjelaskan kaki ke menara gading.

"Ada pelajar saya kini berkhidmat sebagai pegawai tinggi kerajaan, mereka datang bertemu saya dan saya terkejut mereka masih memanggil saya 'cikgu'. Ia adalah satu penghormatan kepada saya. Itulah nikmat kemanisan yang saya rasai dengan menjadi pendidik," katanya.

Bekas pelajar jurusan perakaunan di universiti sama itu berasa puas mengenangkan kembali kejayaan membimbang pelajarjaya yang kini dijadikan azimat untuk berdedah wakil pembangkang dan meyakinkan mereka dengan hujahnya di

Dewan Rakyat.

Menyingkap nostalgia perjalanan kerjaya politik beliau, hanya satu perkara yang bellau dapat simpulkan iaitu betapa bertuahnya ahli politik sekarang yang dilihat menerima pelbagai kelebihan dan kemudahan untuk memudahkan urusan berkhidmat kepada rakyat.

"Bukan niat saya untuk mengkritik tetapi hanya mahu menceritakan perkara sebenar yang dihadapi wakil rakyat, lebih-lebih lagi yang berkhidmat kepada rakyat luar bandar seperti golongan yang mendiami kawasan pedalaman Sabah Sarawak.

"Alhamdulillah pengalaman berkhidmat sebagai pegawai kerajaan banyak membantu memudahkan urusan saya bagi menyelesaikan masalah yang diadukan ketika bergelar Yang Berhormat (YB)," katanya yang memulakan kerjayanya dengan berkhidmat sebagai Pegawai Analisis Pengurusan Mampu, Sarawak, pada 1980 selama enam tahun.

Menumpang van sayuran dan sampaikan Kementerian Pertanian, Sarawak, adalah rutin biasa ketika melawat kawasan beliau. Namun tidak sekali pun timbul rasa malu atau segan, bahkan daripada pandangan beliau itu adalah peluang terbaik untuk bersama penduduk merasai keserasian yang dihadapi mereka.

Walaupun penduduk kampung yang dilawatinya berbeza etnik



PESTA makan durian ditaja Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Fama.

serta mempunyai kehidupan yang jauh daripada keselesaan dan kemodenan bandar, beliau tidak pernah berasa kekak serta sentiasa menjalinkan hubungan rapat dan bekerjasama untuk menjaga kepentingan masyarakat kepada rakyat.

La menyebabkan kehadiran beliau tidak lagi asing di kalanjan masyarakat Sarawak yang sebahagiannya terdiri daripada petani, pemerkasa dan nelayan, apatah lagi sudah mengenali beliau sejak berkhidmat selama dua tahun sebagai Pegawai Ekonomi Pertanian di Kementerian Pertanian dan Pembangunan Masyarakat, Sarawak.

Kehadiran beliau terbukti disenangi penduduk apabila berjaya mengekalkan kerusi Parlimen bermula Pilihan Raya Umum 1990 di Santubong untuk tiga penggal berikutnya, sebelum diundiand bertanding di Batang Lupar, Sarawak.

Tidak pernah terdetik di hatinya untuk mencapai kejayaan sejahtera ini sebagai Timbalan Menteri bagi

memperjuangkan nasib rakyat, namun beliau yakin dapat menunaikan tanggungjawab itu berdasarkan pengalaman yang pernah ditimba dulu.

"Insya-Allah saya akan lakukan tugas ini sebaik mungkin. Saya yakin ada hikmahnya ditakdirkan untuk memikul tanggungjawab berat ini ketika negara menghadapi krisis makanan, la memerlukan kerjasama semua rakyat untuk memastikan bekalan makanan khususnya beras mencukupi untuk keperluan kita," katanya.

sabtu  
7 Jun 2008



**“**Bukan niat saya untuk mengkritik tetapi hanya mahu menceritakan perkara sebenar yang dihadapi wakil rakyat, lebih-lebih lagi yang berkhidmat kepada rakyat luar bandar seperti golongan yang mendiami kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak **”**

Rohani Abdul Karim  
Timbalan Menteri Pertanian  
dan Industri Asas Tani



ROHANI melakukan acara "miring" bersama Penghulu Kampung Belimbing Besi, Atan Asun sebelum memasuki rumah panjang Kampung Belimbing Besi semasa menghadiri sambutan Hari Gawai Dayak.